

Hubungan Profesionalisme Guru dengan Kepimpinan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sarawak

A Relationship between Teacher Professionalism with Teacher Leadership in Chinese Primary Schools, Sibiu, Sarawak

Hamidah Yusof^a, Chan Mei Hung^b

^{a,b}Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, hamidah.yusof@fpe.upsi.edu.my

Received: 13 July 2018 ; Accepted: 5 December 2018; Published: 26 December 2018

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan profesionalisme guru dengan kepimpinan guru. Sejumlah 136 orang guru daripada sepuluh buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dipilih sebagai responden dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Deskriptif analisis digunakan untuk menerangkan tahap profesionalisme guru dan kepimpinan guru di sekolah. Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan profesionalisme guru dengan kepimpinan guru. Dapatan menunjukkan tahap profesionalisme guru dan kepimpinan guru adalah tinggi. Hubungan antara profesionalisme guru dan kepimpinan guru adalah positif dan signifikan. Dapatan kajian ini menunjukkan perlunya pembangunan profesionalisme guru di sekolah. Kemahiran kepimpinan guru perlu ditingkatkan untuk penambahbaikan sekolah dan pencapaian pelajar. Pelbagai kursus atau program pembangunan profesionalisme perlu disediakan untuk guru.

Kata kunci: profesionalisme guru, kepimpinan guru, sekolah rendah cina

Abstract

This study aims to examine the relationship between teacher professionalism and teacher leadership. A total of 136 teachers from ten Chinese primary schools were chosen as respondents selected using random sampling method. This study used questionnaire for data collection and analysed using descriptive analysis to describe the level of professionalism and leadership of teachers in school. Pearson correlation was used to analyze the relationship between teacher professionalism and teacher leadership. The results showed that both the level of professionalism and leadership of teacher in primary schools was at a high level. The relationship between teacher professionalism and leadership showed a positive and significant relationship. The result of the study indicates the need for professional development of teachers in schools. Teacher leadership skills needs to be enhanced to improve school and students achievement. Various courses or professional development programs for teachers should be made available for teachers.

Keywords: teacher professionalism, teacher leadership, Chinese primary school

PENGENALAN

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan kerana mereka adalah pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan (Saedah & Mohammed, 2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berhasrat untuk meningkatkan keupayaan guru bertaraf dunia yang diperlukan bagi membantu mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan dan memperoleh lebih keseronokan dan kepuasan dalam

menjalankan tugas mereka. Namun, masalah perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pengetua dan rakan sekerja telah timbul dalam bidang perguruan dan menyebabkan guru-guru lebih kecenderungan untuk meletak jawatan atau bersara dengan awal (Saedah & Mohammed, 2012).

Profesionalisme guru selalu mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dalam pendidikan. Isu yang membabitkan guru dan profesionalisme keguruan mendapat perhatian dan sering dibahaskan secara meluas sama ada di media massa, dalam masyarakat serta peringkat nasional. Ini kerana tahap profesionalisme guru yang tinggi menunjukkan martabat profesion keguruan dalam sistem pendidikan. Guru yang berprofesional perlu mempunyai sifat profesionalisme dalam memenuhi tanggungjawab sebagai amanah yang telah diberikan. Tanpa sifat profesionalisme ini, guru mungkin tidak dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan baik dan sempurna. Ini disokong oleh Day, Sammons, Stobart, Kington, dan Gu (2007) yang menyatakan profesionalisme guru menyumbang kepada proses membuat keputusan berkaitan sekolah yang melibatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan. Profesionalisme guru juga harus dipraktikkan yang sekali gus akan memberi kesan terhadap mutu pendidikan khususnya untuk pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan pelajar (Muhamad Zahiri, Nik Ahmad Hisham, Arifin, Md Yusnan, Mujaini, Md Noor & Noor Akmal, 2011). Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha untuk membangunkan profesionalisme guru di sekolah bagi memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara.

Kowalski (2010) menegaskan bahawa keberkesanan kepimpinan mesti ada pada semua peringkat sekolah. Kepimpinan pendidikan tersebut bukan merujuk kepada guru besar atau pengetua sahaja, tetapi juga kepimpinan guru. Tugas guru bukan sahaja menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar tetapi mereka juga terlibat dalam pengurusan dan pembangunan sekolah. Namun, guru-guru di sekolah tidak menyedari peranan mereka sebagai pemimpin di sekolah dan isu kepimpinan guru di Malaysia masih lagi dianggap baharu dan kurang mendapat perhatian (Norashikin, Ramli & Foo, 2015). Guru-guru masih belum bersedia untuk menerima konsep kepimpinan guru dan tahap pemahaman guru terhadap konsep kepimpinan guru masih berada pada tahap yang rendah. Ini telah menunjukkan budaya kepimpinan guru juga belum diterapkan dalam budaya sekolah (Sharfuddin, 2012).

Maka, pembangunan kepimpinan guru di sekolah amat diperlukan supaya mendapat manfaat daripada pelbagai aspek. Guru seharusnya melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran sesuai dengan tuntutan semasa dunia pendidikan moden seperti mana yang disarankan oleh Hamidah, Muhamad Nursalam, dan Mohd Asri (2016), memperkukuh dan memperkasakan guru adalah salah satu cara untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Di samping itu, Nur Hafizoh dan Rohana (2013) menyatakan bahawa guru-guru perlu mempunyai kemahiran kepimpinan, semangat dan komitmen pada tahap yang tinggi yang boleh menjadi contoh dan rujukan untuk rakan-rakan, ibu bapa, pelajar dan masyarakat.

Guru yang melihat diri mereka sebagai pemimpin boleh menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran, mengurus bilik darjah dengan berkesan dan membangunkan sekolah secara keseluruhan tanpa memegang apa-apa jawatan rasmi (Fareeha & Muhammad, 2014). Tanggungjawab guru sebagai pemimpin merupakan satu peranan besar yang bukan sahaja akan mempengaruhi pencapaian atau kejayaan sesebuah sekolah malah dapat membentuk pelajar yang berakhlak mulia dan unggul. Kepimpinan seseorang guru dalam bilik darjah dan sekolah bukanlah satu perkara yang boleh dipandang ringan tetapi perlu diambil berat dan diberikan perhatian yang sewajarnya (IPG, 2011). Oleh itu, terdapatnya keperluan untuk melahirkan guru yang berprofesionalisme dan mempunyai keupayaan untuk memimpin.

Kajian-kajian lepas menunjukkan profesionalisme guru memberi impak kepada kecemerlangan diri guru, pembentukan kualiti hidup murid dan melahirkan insan berkualiti (Affrizal Ahmad, 2008; Kamarul et al., 2009; Nur Hafizoh & Rohana, 2013). Kepimpinan guru pula selalu dikaitkan dengan penambahbaikan sekolah, pencapaian akademik murid dan sekolah, pembentukan budaya sekolah serta peningkatan kemahiran dan pengetahuan guru (Katzenmeyer & Moller, 2009; Norashikin, Safiah, Fauziah & Noormala, 2015; Jerry, 2011; Hamidah, Muhamad Nursalam, dan Mohd Asri, 2016; Akert & Martin, 2012). Profesionalisme guru mempunyai hubungan dan pengaruh positif terhadap kepimpinan guru dan pengaruh yang positif ke atas persepsi guru berkaitan tingkah laku kepimpinan (Grant, 2006; Harris & Muijs, 2003). Grant (2006) berpendapat bahawa peningkatan profesionalisme guru akan menggalakkan kepimpinan guru meluas di sekolah dan memberi kesan positif terhadap persepsi guru-guru berkenaan dengan tanggungjawab mereka untuk menjadi pemimpin. Harris dan Muijs (2003) pula mencadangkan bahawa profesionalisme boleh memberi pengaruh positif kepada kepimpinan guru. Oleh itu, adalah satu keperluan untuk menguji hubungan antara profesionalisme guru dengan kepimpinan guru. Profesionalisme guru dan kepimpinan guru adalah dua konsep yang lahir dan dibina dalam diri seseorang guru. Kedua-duanya adalah berkaitan antara satu sama lain.

PROFESIONALISME GURU

Guru yang mempunyai profesionalisme tinggi selalu dihormati, disanjung dan berdisiplin tinggi serta berperanan sebagai suri teladan kepada para pelajar (Goodson & Pik, 2008). Kunandar (2007) menyatakan bahawa profesionalisme guru ialah pekerjaan seseorang guru daripada aspek keadaan, arah, nilai, tujuan dan kualiti keahlian dan peraturan dalam bidang pendidikan dan pengajaran. Di samping itu, guru yang berprofesionalisme ialah guru yang mempunyai kompetensi yang dipersyaratkan untuk melakukan tugas pendidikan dan pengajaran. Saedah dan Mohammed (2012) pula menerangkan profesionalisme guru merangkumi beberapa aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti penilaian, komunikasi, penambahbaikan yang berterusan, pemikiran kritikal, kepelbagaian, pembangunan manusia, kemahiran dan ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Day, Sammons, Stobart, Kington, dan Gu (2007) menyatakan profesionalisme guru meliputi penggunaan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan sekolah. Keperluan asas profesionalisme guru adalah mewujudkan amalan di bilik darjah berdasarkan pengetahuan seseorang dan asas-asas teori bidang berkaitan (Carlgen, 1999). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa profesionalisme guru akan memberi kesan kepada sikap dan tingkah laku guru terhadap profesion mereka. Secara tidak langsung akan mempengaruhi komuniti pembelajaran di sekolah dan seterusnya meningkatkan kejayaan pelajar.

Selain itu, guru yang berprofesionalisme mempunyai cenderung untuk memaparkan tingkah laku kepimpinan dalam dan di luar bilik darjah. Guru-guru berprofesionalisme berperanan untuk membimbing guru-guru yang tidak berpengalaman, mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan sekolah, bekerjasama dengan rakan-rakan dan ibu bapa, dan membangunkan amalan pengajaran yang berkesan (Katzenmeyer & Moller, 2009). Secara keseluruhannya, profesionalisme guru merangkumi aspek kepakaran, kemahiran, kemampuan, pengetahuan, sikap dan tingkah laku, nilai etika dan lain-lain yang ada dalam diri seseorang guru. Profesionalisme guru yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sikap, tingkah laku, pengetahuan dan kemahiran guru dalam profesion keguruan.

Darling-Hammod (1989) menyatakan bahawa para guru harus melakukan pelbagai usaha untuk mencapai tahap profesionalisme yang sewajarnya. Usaha-usaha yang boleh dilakukan adalah penambahan dalam ilmu pengetahuan dan aspek-aspek penggunaan ilmu pengetahuan yang dapat membentuk dan mempertingkatkan profesionalisme guru di sekolah. Begitu juga dengan pandangan Goodson dan Pik (2008) yang menitikberatkan soal penambahan pengetahuan profesionalisme ketika berada dalam komuniti sekolah.

Craig dan Barbara (2009) menegaskan bahawa profesionalisme guru adalah suatu amalan pembelaan, pembaikpulihan, kerjasama, galakan, catatan lengkap, maklumat dan tindakan yang berasas dan sokongan terhadap pihak atasan dan dapat dibina berdasarkan nilai kebertanggungjawaban para guru sebagai satu etika kerja. Kajian Kamarul Azmi, Ab Halim dan Mohd Izham (2009) membuktikan bahawa profesionalisme guru adalah mereka yang mementingkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas. Di samping itu, guru yang mengamalkan sifat profesionalisme yang baik, bersifat kemasyarakatan dan keagamaan dapat mempengaruhi bertingkah-laku baik pelajar (Ab.Halim Tamuri, 2000; 2004). Begitu juga dengan Laporan Affrizal Ahmad (2008) yang menunjukkan profesionalisme guru mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan kualiti hidup sejahtera pelajar. Guru yang berprofesionalisme dapat menyampaikan pendidikan dengan berkualiti, berkesan dan berupaya meningkatkan potensi pelajar. Guru yang berkualiti mampu melahirkan insane berkualiti (Nur Hafizoh & Rohana, 2013).

Oleh itu, profesionalisme keguruan amat penting di dalam memartabatkan pendidikan negara serta pembentukan peribadi pelajar yang baik. Siti Nur Aisya dan Ahmad Zabidi (2016) menyatakan bahawa profesionalisme guru dapat ditingkatkan melalui latihan dalam perkhidmatan supaya membolehkan guru mengekalkan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan untuk menjalankan fungsi mereka sebagai pendidik dengan baik. Profesionalisme guru dan kepimpinan guru mempunyai hubungan dan pengaruh yang positif. Penitikberatan terhadap profesionalisme guru telah mengubah persepsi guru berkaitan tingkah laku kepimpinan (Grant, 2006; Harris & Muijs, 2003). Grant (2006) juga menyatakan bahawa peningkatan dalam profesionalisme guru akan meluaskan kepimpinan guru di sekolah. Dengan ini, guru akan mengubah persepsi mereka terhadap kepimpinan guru dan bersedia untuk mengambil tanggungjawab untuk tingkah laku kepimpinan.

Profesionalisme guru boleh dirumuskan sebagai merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai guru yang digunakan dalam perkhidmatan keguruan untuk kemerlangan sekolah dan pelajar. Guru juga akan terus menerus meningkatkan keupayaan diri supaya selari mengikut tuntutan zaman dan profesion mereka. Dengan cara ini mereka juga akan kekal berkualiti bagi mendepani cabaran dalam sistem pendidikan.

KEPIMPINAN GURU

York-Barr dan Duke (2004) mentafsirkan kepimpinan guru sebagai proses yang dilakukan oleh guru, secara individu atau kolektif, mempengaruhi rakan sejawat, pengetua dan ahli lain dalam komuniti sekolah untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, Danielson (2006) berpendapat bahawa kepimpinan guru ialah kemahiran guru untuk mengajar murid dan mempengaruhi orang lain sama ada di dalam atau di luar bilik darjah dan sekolah. Katzenmeyer dan Moller (2001) pula mentakrifkan kepimpinan guru sebagai pemimpin guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Kepimpinan guru dapat mempengaruhi rakan sekerja dan orang lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik. Katzenmeyer dan Moller

(2009) juga menegaskan bahawa kepimpinan guru dapat memastikan kualiti guru yang tinggi dan menyumbang kepada penambahbaikan sekolah secara berterusan. Pemimpin guru bersedia menjalankan tanggungjawab dan tugas tanpa menunggu arahan dari pengetua, sebaliknya mereka tahu akan apa yang harus dilakukan dan bertindak mengikut matlamat yang hendak dicapai dengan sendirinya.

Youitt (2007) pula mentafsirkan kepimpinan guru dari aspek tindakan yang harus diambil oleh guru dalam bilik darjah. Beliau menyatakan bahawa pemimpin guru selalu mengamalkan kaedah baharu pengajaran dan pembelajaran dalam memimpin pembelajaran pelajar bagi meningkatkan prestasi pelajar. Pemimpin guru akan menggunakan teknologi baharu dalam pengajaran dan mencari sumber lain untuk menyokong inovasi pendidikan. Youitt (2007) juga berpendapat pemimpin guru memahami kepentingan hubungan antara guru dan pelajar serta keluarga pelajar. Kajian Siti Aida (2011) menunjukkan bahawa amalan kepimpinan guru seperti keupayaan kepimpinan guru dalam mengendalikan pengajaran, mengurus bilik darjah dan merancang pengajaran mampu meningkatkan keberkesanan kepimpinan guru terutama di dalam bilik darjah. Kajian Nor Asma Sheinawani, Mohd Asri, Rohaila, dan Hamidah (2015) pula merumuskan empat amalan kepimpinan yang sering dilakukan oleh guru di sekolah ialah memudahkan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar, membangunkan organisasi sekolah menerusi pengurusan dan pentadbiran, meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan serta menjadi teladan pemimpin yang dirujuk.

Dua konsep utama dalam membentuk ciri-ciri kepimpinan guru ialah peranan dan tanggungjawab serta kerjasama (Harris & Muijis, 2003). Peranan dan tanggungjawab yang dimaksudkan ialah tugas guru di luar batasan ruang lingkup bilik darjah bagi mempengaruhi pelajar mencapai matlamat yang disusun oleh pihak sekolah. Di samping itu, pemimpin guru juga dapat bekerjasama dengan rakan sekerja ke arah matlamat yang hendak dituju tanpa arahan ataupun paksaan pihak atasan. Secara keseluruhan, pemimpin guru dapat membimbing pelajar dan bekerjasama dengan rakan sekerja demi pencapaian yang terbaik. Kajian Hailan Salamun (2008) telah mencadangkan tiga dimensi dalam proses membina keupayaan kepimpinan guru iaitu kemahiran memimpin, tingkat profesionalisme dan tingkatkan iltizam kerja. Kepimpinan guru yang dibina di sekolah membolehkan guru memberikan kerjasama dalam melaksanakan setiap aktiviti yang dirancang dan seterusnya mencapai matlamat visi dan misi sekolah.

Kepimpinan guru juga dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar, penambahbaikan sekolah yang berterusan, mengembangkan perspektif guru tentang keperluan sekolah, menggalakkan refleksi terhadap amalan guru dan menyediakan pelbagai tugasan dan pengiktirafan terhadap kepakaran guru, memberi inspirasi kecemerlangan dalam amalan dan memberi kuasa kepada pihak-pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam peningkatan pendidikan (Childs-Bowen et al., 2000; Crowther et al., 2002; Bilingsley, 2007). Kepimpinan guru merupakan salah satu faktor yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian akademik pelajar (Berry, Dudhtrey & Wieder, 2010; Foster, 2004; Akert & Martin, 2012; Norashikin Abu Bakar et al., 2015). Kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar yang mencapai keputusan yang cemerlang terdiri daripada sekolah yang mempunyai guru yang berpengalaman dan berkelayakan yang mengamalkan kerjasama di sekolah.

Hamidah et al. (2016) telah menjalankan kajian untuk meneroka hubungan antara budaya sekolah dengan kepimpinan guru. Dalam domain budaya sekolah menunjukkan bahawa kerjasama guru dapat meningkatkan profesionalisme guru dan membina budaya bekerja bersama-sama dalam kalangan guru. Lida, Amneh dan Sara (2014) menentukan bahawa

kepimpinan guru adalah usaha individu. Mereka mencadangkan bahawa program kepimpinan guru perlu ditekankan bagi mewujudkan kepimpinan bersama antara guru dan pengetua. Mereka percaya bahawa kepimpinan perlu menjadi tanggungjawab bersama supaya pelajar menjadi lebih baik apabila pemimpin guru dan pentadbir dapat menyumbang dan bertambah baik kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah mereka.

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa amalan kepimpinan guru di pelbagai peringkat persekolahan pada tahap yang tinggi (Loh, 2008; Azhar Harun et al., 2016; Syed Najmuddin, 2009). Kajian Sharfuddin Abdul Shukor (2012) mendapat hasil yang berlainan dengan Syed Najmuddin Syed et al. (2009) yang menunjukkan bahawa guru-guru di tiga buah sekolah di sebuah daerah di Johor masih belum bersedia untuk menerima konsep kepimpinan guru. Guru-guru masih kabur dan kurang jelas terhadap konsep kepimpinan guru. Menurut Grant et al. (2008), kebanyakan guru berpendapat bahawa kepimpinan sukar untuk direalisasikan di sekolah. Kajian beliau menunjukkan kepimpinan guru pada umumnya digalakkan di sekolah tetapi amalannya masih terhad.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menunjukkan persamaan di antara andaian asas konsep kepimpinan guru dan profesionalisme guru, kerana kedua-dua konsep memberi tumpuan kepada amalan yang berkaitan dengan penambahbaikan sekolah, seperti penyertaan dalam proses membuat keputusan, peningkatan amalan pengajaran, kerjasama dalam kalangan rakan-rakan, komunikasi yang berkesan dengan ahli-ahli sekolah dan komuniti, dan bimbingan untuk guru-guru baru. Harris dan Muijs (2003) menyatakan bahawa tingkah laku profesional guru adalah salah satu daripada unsur asas peningkatan keberkesanan dan perkembangan kepimpinan guru. Oleh itu, adalah munasabah untuk mencadangkan bahawa hubungan yang positif dan signifikan antara profesionalisme guru dan kepimpinan guru adalah selari dengan jangkaan dalam perkara ini.

Kepimpinan guru boleh dirumuskan sebagai peranan guru bukan sahaja di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah. Di dalam bilik darjah guru adalah pakar dalam pengajaran dan pembelajaran serta mengurus iklim pembelajaran. Di luar bilik darjah guru boleh bekerjasama dengan rakan guru untuk penambahbaikan sekolah dan kecemerlangan pelajar. Pemimpin guru juga berupaya untuk membentuk budaya sekolah serta meningkatkan profesionalisme guru.

METODOLOGI

Kajian tinjauan dalam kajian ini yang dilaksanakan di 10 sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) di bawah seliaan PPD Sri Aman dan PPD Betong di negeri Sarawak di mana melibatkan 136 orang guru yang dipilih secara rawak mudah. Satu borang soal selidik yang mengandungi 55 soalan profesionalisme guru dan 42 soalan kepimpinan guru yang dinilai dengan menggunakan skala Likert 5 telah dijadikan sebagai instrumen kajian ini. Soalan profesionalisme guru mengandungi dua dimensi iaitu amalan nilai profesionalisme guru dan pengetahuan dan kefahaman. Manakala soalan kepimpinan guru mengandungi tujuh dimensi iaitu kededaran diri, memimpin perubahan, komunikasi, kemahiran pengajaran, penambahbaikan yang berterusan dan pengurusan sendiri. Instrumen yang mengkaji tahap profesionalisme guru adalah dipilih dari Standard Guru Malaysia (SGM). Instrumen kepimpinan guru pula adalah *Teacher leadership Self-Assement (TLSA)* yang dibangunkan oleh Marilyn dan Katzenmeyer pada tahun 2004. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Kedua-dua instrumen mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan instrumen Profesionalisme Guru dan Kepimpinan Guru masing-masing ialah 0.88. Tahap kebolehpercayaan instrumen Profesionalisme Guru ialah 0.85 dan untuk Kepimpinan Guru ialah 0.90.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan skor min bagi profesionalisme guru adalah berada di tahap tinggi. Begitu juga dengan domain amalan nilai profesionalisme keguruan domain pengetahuan dan kefahaman yang juga berada di tahap interpretasi yang tinggi. Interpretasi ini adalah mengikut Pallant (2007) yang mana skala 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 1: Skor Min Keseluruhan Profesionalisme Guru dan Domain Profesionalisme Guru

| Domian | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|---------------------------------------|------|----------------|--------|
| Profesionalisme Guru | 4.24 | .375 | Tinggi |
| Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan | 4.14 | .373 | Tinggi |
| Pengetahuan dan Kefahaman | 4.27 | .427 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi kepimpinan guru adalah berada di tahap tinggi. Semua skor min dalam domain kepimpinan guru juga berada di tahap tinggi kecuali domain penambahbaikan yang berterusan yang berada pada tahap sederhana.

Jadual 2: Skor Min Keseluruhan Kepimpinan Guru dan Domain Kepimpinan Guru

| Domain | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|--------------------------------|------|----------------|-----------|
| Kepimpinan Guru | 4.09 | .443 | Tinggi |
| Kesedaran Diri | 4.08 | .494 | Tinggi |
| Memimpin Perubahan | 3.98 | .561 | Tinggi |
| Komunikasi | 4.04 | .506 | Tinggi |
| Kepelbagaian | 4.15 | .475 | Tinggi |
| Kemahiran Pengajaran | 4.18 | .478 | Tinggi |
| Penambahbaikan yang berterusan | 3.39 | .428 | Sederhana |
| Pengurusan Kendiri | 4.17 | .485 | Tinggi |

Jadual 3 menunjukkan korelasi antara profesionalisme guru dengan kepimpinan guru. Keputusan kajian mendapat nilai $r=0.83$ dengan nilai $p<0.01$ yang menunjukkan profesionalisme guru mempunyai hubungan yang tinggi, kuat dan signifikan dengan kepimpinan guru. Interpretasi ini adalah berdasar jadual Guilford's Rule of Thumb iaitu korelasi antara 0.70 hingga 0.90 membawa makna tinggi, kuat dan hubungan yang ketara.

Jadual 3: Korelasi Antara Profesionalisme Guru dengan Kepimpinan Guru

| Pemboleh Ubah | Profesionalisme Guru | Kepimpinan Guru |
|----------------------|----------------------|-----------------|
| Profesionalisme Guru | Pearson Correlation | .826** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan kuat antara domain-domain dalam profesionalisme guru dan kepimpinan guru (Jadual 4). Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara profesionalisme guru dengan kepimpinan guru.

Jadual 4: Korelasi Antara Domain Profesionalisme Guru dengan Domain Kepimpinan Guru

| Pemboleh Ubah | Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan | Pengetahuan Dan Kefahaman |
|--------------------------------|--|----------------------------------|
| Kesedaran Diri | .733** | .739** |
| Memimpin Perubahan | .722** | .657** |
| Komunikasi | .711** | .673** |
| Kepelbagaian | .647** | .493** |
| Kemahiran Pengajaran | .723** | .728** |
| Penambahbaikan Yang Berterusan | .721** | .634** |
| Pengurusan Kendiri | .746** | .708** |

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru di SJKC berada di tahap yang tinggi. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Syed Najmuddin et al. (2009) yang menunjukkan tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam juga pada tahap yang tinggi berdasarkan penilaian murid. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan guru-guru yang berprofesionalisme tinggi berpegang kepada amalan nilai profesionalisme guru seperti kod etika kerja dan tatasusila profesion keguruan dalam melaksanakan tugas mereka. Ini disokong oleh Craig dan Barbara (2009) yang menegaskan bahawa profesionalisme guru dapat dibina berdasarkan nilai kebertanggungjawaban para guru sebagai satu etika kerja. Guru-guru di Malaysia sewajarnya mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi kerana mereka didasari oleh Standard Guru Malaysia yang menggariskan kompetensi profesionalisme yang perlu dicapai.

Kajian ini menilai profesionalisme guru dari segi amalan nilai profesionalisme dan pengetahuan dan kefahaman tentang pendidikan dalam negara. Aspek yang dikaji serupa dengan kajian Evans (2011) yang mengkaji profesionalisme guru dari tiga dimensi iaitu tingkah laku, sikap dan intelektual. Walaupun kajian Evans menamakan dimensi yang berlainan tetapi ketiga-tiga aspek tersebut terangkum dalam dimensi kajian ini. Dimensi tingkah laku menilai sejauh mana guru dapat memenuhi keperluan profesion. Dimensi sikap merujuk kepada perspektif dan persepsi guru terhadap profesion keguruan. Dimensi intelektual pula merangkumi pengetahuan dan kemahiran guru dalam profesion keguruan. Pengelasan Evans berkaitan profesionalisme guru tersebut menggambarkan apa yang diharapkan daripada seseorang guru. Dimensi-dimensi tersebut adalah penting untuk pembangunan diri guru secara berterusan, perlu menguasai bidang mereka dan mengikut dengan teliti perkembangan pendidikan.

Profesionalisme guru yang tinggi adalah penting bagi kecemerlangan sekolah dan pencapaian murid khususnya melahirkan pelajar yang berpotensi serta membentuk kualiti hidup pelajar (Kamarul et al., 2009; Affrizal (2008). Justeru, program pembangunan profesionalisme guru harus sentiasa disediakan masa bagi meningkatkan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru. Melalui program ini, guru-guru dapat melaksanakan tugas dan fungsi mereka dengan

baik. Di samping itu guru dapat mengekalkan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan mereka (Siti Nur Aisyah & Ahmad Zabidi, 2016). Kepentingan profesionalisme guru juga ditunjukkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang mana fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru diberi keutamaan dalam gelombang pertama (2013-2015).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kepimpinan guru di SJKC berada di tahap yang tinggi. Hasil kajian ini sama dengan kajian Loh (2008), Azhar et al. (2016) dan Syed Najmuddin et al. (2009) yang menunjukkan kepimpinan guru di pelbagai peringkat persekolahan berada pada tahap yang baik. Syed Najmuddin et al. (2009) menilai tahap kepimpinan guru Pendidikan Islam dari aspek imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepemimpinan agama dan juga interaksi dengan pelajar. Walaupun terdapat perbezaan dimensi yang dikaji tetapi ada aspek kepemimpinan ini mempunyai persamaan dengan aspek dalam kepimpinan guru yang digunakan dalam kajian ini seperti kepelbagaian, kemahiran pengajaran, komunikasi dan pengurusan sendiri.

Kepimpinan guru yang digunakan dalam kajian ini merangkumi kesedaran diri, kepelbagaian, memimpin perubahan, penambahbaikan yang berterusan, kemahiran pengajaran, komunikasi dan pengurusan sendiri. Begitu juga dengan kajian Siti Aida (2011) menunjukkan bahawa amalan kepimpinan guru mempunyai hubungan dengan keupayaan kepimpinan guru yang merangkumi aspek kemahiran pengajaran, pengurusan bilik darjah dan perancangan pengajaran mampu meningkatkan keberkesanan kepimpinan guru terutamanya di dalam bilik darjah.

Hasil kajian ini mendapati terdapat hubungan yang kuat dan ketara antara profesionalisme guru dengan kepimpinan guru. Ini disokong oleh kajian Kilinc et al (2015) yang menunjukkan persepsi profesionalisme guru melebihi paras sederhana. Kajian ini menunjukkan profesionalisme guru dan kepimpinan guru saling berhubungan. Ini disokong oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) yang menyatakan bahawa kepimpinan guru dan profesionalisme guru mempunyai hubungan yang rapat dan tidak boleh dipisahkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang berprofesionalisme tinggi mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi juga. Ini bertepatan dengan pandangan Katzenmeyer dan Moller (2009) yang mengatakan bahawa guru profesionalisme mempunyai lebih kecenderungan untuk memaparkan tingkah laku kepimpinan dalam dan di luar bilik darjah. Begitu juga dengan kajian Kilinc et al. (2015) yang mengesahkan bahawa profesionalisme guru adalah pemboleh ubah penting meramalkan kepimpinan guru.

Selain itu, Katzenmeyer dan Moller (2009) juga menyatakan bahawa kedua-dua konsep profesionalisme guru dan kepimpinan guru mempunyai kaitan dengan penambahbaikan sekolah. Kedua-dua konsep penting dalam penyertaan guru dalam proses membuat keputusan, peningkatan amalan pengajaran, kerjasama dalam kalangan rakan-rakan, komunikasi yang berkesan dengan ahli-ahli sekolah dan komuniti, dan bimbingan untuk guru-guru baharu. Ini menyokong hasil kajian yang menunjukkan hubungan ketara antara profesionalisme guru dengan kepimpinan guru.

Justeru, pihak pentadbir harus meningkatkan tahap profesionalisme guru dan seterusnya dengan profesionalisme guru yang tinggi dapat membentuk mereka menjadi pemimpin guru di sekolah. Ini disokong oleh Grant (2006) yang berpendapat bahawa peningkatan profesionalisme guru mungkin membolehkan kepimpinan guru diperluaskan di sekolah dan memberi kesan positif kepada persepsi guru-guru dengan mengambil tanggungjawab untuk

menjadi pemimpin. Begitu juga dengan Harris dan Muijs (2003) yang mencadangkan bahawa profesionalisme mungkin mempunyai pengaruh yang positif ke atas penambahbaikan kepimpinan guru. Kajian Hamidah et al. (2016) juga menunjukkan bahawa kerjasama guru dapat meningkatkan profesionalisme guru dan menggalakkan budaya bekerjasama dalam kalangan guru.

Hailan (2008) mencadangkan tiga dimensi dalam proses membina keupayaan kepimpinan guru iaitu kemahiran memimpin, tingkat profesionalisme dan tingkatkan iltizam kerja. Guru yang memiliki keupayaan memimpin boleh memberikan kerjasama yang baik bagin melaksanakan setiap aktiviti yang telah dirancang bagi mencapai matlamat visi dan misi sekolah. Guru yang berprofesionalisme tinggi mempunyai lebih kecenderung untuk menjadi seorang pemimpin guru. Guru-guru hendaklah mempunyai inisiatif dan motivasi untuk meningkatkan profesionalisme diri dan bersedia untuk menjadi seorang pemimpin guru. Pembangunan profesionalisme guru secara berterusan adalah satu keperluan supaya guru-guru di sekolah dapat mengikut jejak perkembangan sistem pendidikan di negara. Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu mengenal pasti kepentingan profesionalisme guru dalam memperkembangkan kepimpinan guru serta cara pelaksanaannya. Pelbagai dasar atau program pembangunan profesion keguruan dan kepimpinan guru harus disediakan kepada guru supaya membawa kebaikan kepada sekolah dan pencapaian murid.

RUMUSAN

Hasil kajian ini menunjukkan tahap profesionalisme guru dan kepimpinan guru di SJKC di Sarawak berada pada tahap tinggi. Di samping itu, terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara profesionalisme guru dan kepimpinan guru. Dapatan kajian ini boleh memberi panduan kepada pihak pembuat dasar, pentadbir dan guru tentang perlunya membangunkan profesionalisme dan kepimpinan guru di sekolah demi memberi kebaikan kepada pencapaian sendiri, murid dan sekolah. Guru-guru yang mempunyai sifat kepimpinan akan terus meneroka aktiviti-aktiviti serta sentiasa berusaha menyerlahkan potensi dan keyakinan diri. Usaha mengilap kepimpinan guru perlu dijadikan usaha pada peringkat nasional dengan menyediakan ruang untuk mereka menjadi pemimpin. Konsep kepimpinan guru perlu dimasyarakatkan dalam komuniti guru di Malaysia supaya tidak dikelirukan dengan pemimpin sekolah. Semua sekolah akan berjaya jika kepimpinan guru dapat dikembangkan.

RUJUKAN

- Abdullah, S.N.S. & Abdul Razak, A.Z.. (2016). Hubungan dasar latihan dalam perkhidmatan dengan peningkatan profesionalisme guru-guru pendidikan Islam sekolah menengah daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*, 4 (1), 17-27.
- Abu Bakar, N., Basri, R. & Foo, S. F. (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-11.
- Abdul Rahman, N.A.S., Mohd Noor, M. A., Yusof, R. & Yusof, H.. (2015). Kesahan model amalan kepimpinan guru. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Abdul Syukor, S. (2012). *Konsep kepimpinan guru dalam kalangan guru di tiga buah sekolah menengah di Segamat*. Master's Thesis.. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ahmad, A.. (2008). Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1-8.
- Akert, N. & Martin, B.N. (2012). The role of teacher leaders in school improvement through the perceptionsof principals and teachers. *International Journal of Education*, 4(4), 284-299.

- Berry, B., Daughtrey, A. & Wieder, A. (2010). *Teacher leadership: Leading the way to effective teaching and learning*. Retrieved from <http://www.teachingquality.org/content/teacher-leadership-leading-way-effective-teaching-and-learning>
- Childs-Bowen, D., Moller, G., Scrivner, J. (2000). Principals: Leaders of leaders. *NASSP Bulletin*, 85, 27-34.
- Craig, R. F. & Barbara, V.F. (2009). A comparison of special education administrators's and teacher's knowledge and application of ethics and professional standards. *The Journal of Special Education*, 43(3), 160-173.
- Crowther, F., Kaagan, S., Ferguson, M. & Hann, L. (2002). *Developing teacher leaders: How teacher leadership enhances School Success*. California: Corwin Press.
- Danielson, C. (2006). *Teacher leadership that strengthens professional practice*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Day, C., Sammons, P., Stobart, G., Kington, A., & Gu, Q. (2007). *Teacher Matter: Connecting lives, work and effectiveness*. Maidenhead: Open University Press.
- Evans, L. (2011). The 'shape' of teacher professionalism in England: Professional standards, performance management, professional development and the changes proposed in the 2010 White Paper. *British Educational Research Journal*, 37(5), 851- 870.
- Foster, R. (2004). Leadership and secondary school improvement: Case studies of tensions and possibilities. *International Journal of Leadership in Education*, 8(1), 35-52.
- Goodson, I. & Pik, L.C. (2008). Life history and collective memory as methodological strategies: Studying teacher professionalism. *Teacher Education Quarterly*, 5-28.
- Grant, C. (2006). Emerging voices on teacher leadership: Some South African view. *Educational Management Administration & Leadership*, 34(4), 511-532.
- Grant, C., Gardner, K., Kajee, F., Moodleu, R. & Somaroo, S. (2008). *The restricted reality of teacher leadership: A South African survey*. Retrieved from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.505.8564&rep=rep1&type=pdf>
- Hamidah Yusof, Muhamad Nursalam Al-Hafiz Osman, Mohd Asri Mohd Noor. (2016). Schol culture and its relationship with teacher leadership. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 272-286.
- Harris, A., & Muijs, J. (2003). Teacher leadership and school improvement. *Education Review*, 16(2), 39-42.
- Harun, A., Basri, R., Lope Pehei, Z.A. & Asimiran, S. (2016). Amalan kepemimpinan guru di sekolah menengah zon timur semenanjung Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 1-24.
- Idris, N.H. & Hamzah, R.. (2013). Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator standard guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi (social sciences)*, 60, 31-37.
- Jasmi, K.A., Tamuri, A.H. & Mohd Hamzah, M.I.. (2009). *Keperibadian guru cemerlang pendidikan Islam (GCPI) sekolah menengah kepada Allah S.W.T.: Satu kajian kes*. The 7th World Conference on Muslim Education.
- Jerry, D. K. (2011). *Teacher's and teacher leaders' perceptions of the formal role of teacher leadership*. Educational policy studies dissertation: Georgia State University.
- Lida, J. U., Amneh, A. & Sara, M. (2014). Perceptions about teacher leadership: Do teacher leaders and administrators share a common ground? *Journal of International Education and Leadership*, 4(1), 1-15.
- Loh, K.C. (2008). *Kepemimpinan guru di sebuah sekolah kerajaan di Papar: Kes SMK Majakir*. 16th National Seminar on Educational Management and Leadership, Institute Amunuddin Baki, Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri & Mohd Izham Hamzah. (2009). Sifat dan peranan keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 57-71.
- Katzenmeyer, M. & Moller, G. (2001). *Awakening the sleeping giant: Helping teachers develop as leaders (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Katzenmeyer, M. & Moller, G. (2009). *Awakening the sleeping giant: Helping teachers develop as leaders (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.

- Katzenmeyer, W. & Katzenmeyer, M. (2004). *Teacher leader self-assessment*. Tampa, FL: Professional Development Center.
- Kilinc, A. C., Cemaloglu, N., & Savas, G. (2015). The relationship between teacher leadership, teacher professionalism, and perceived stress. *Eurasian Journal of Educational Research*, 58, 1-26.
- Kowalski, T.J. (2010). *The school principal: Visionary leadership and competent management*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Kunandar (2007). *Guru Profesional Implementasi Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) dan Persiapan Menghadapi Sertifikasi Guru*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Muhamad Zahir Awang Mat, Nik Ahmad Hisham Ismail, Arifin Mamat, Md Yusnan Yusof, Mujaini Tarimin, Md Noor Hussin & Noor Akmal Abdul Wahab. (2011). Kajian tahap profesionalisme guru agama di sekolah rendah agama kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor. *JPPPI*, 1(2), 36-73.
- Norashikin Husseina, Safiah Omara, Fauziah Noodina & Noormala Amir Isahaka. (2016). Learning Organization Culture, Organizational Performance and Organizational Innovativeness in a Public Institution of Higher Education in Malaysia: A Preliminary Study. *Procedia Economics and Finance* 37, 512-519.
- Nor Asma Sheinawani Abdul Rahman, Mohd Asri Mohd Noor, Rohaila Yusof & Hamidah Yusof. (2015). Kesahan model amalan kepimpinan guru. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Nudrat, F. & Akhtar, M.S.. (2014). Assessing potential for teacher leadership: The case of prospective teachers. *Journal of Research and Reflections in Education*, 8(2), 105-115.
- Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using deviates*. Glencoe, III: Free Press.
- Salamun, H. (2008). Kepemimpinan Rabbani di sekolah. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 163-179.
- Siraj, S. & Ibrahim, M.S.. (2012). *Standard kompetensi guru Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA.
- Siti Aida. (2011). *Kepimpinan guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sebuah sekolah menengah harian di Shah Alam*. Master's Thesis, Institut Pengajian Kependetaan, Universiti Malaya.
- Syed Hassan, S.N., Tamuri, A.H., Othman, I & Mamat, M.S.. (2009). Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 31-50.
- Tamuri, A.B. (2000). Pengetahuan akhlak di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. University of Birmingham, Tesis PhD.
- Tamuri, A.B. & Abdul Razak, K. (2004). Dakwah dalam menangani isu-isu social di kalangan remaja. Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Youitt, D. (2007). Teacher leadership: Another way to add value to school. *Perspectives on Education Leadership*. Queensland: Australian Council for Educational Leaders.
- York-Barr, J. & Duke, K. (2004). What do we know about teacher leadership? Findings from two decades of scholarship. *Review of Educational Research*, 74(3), 255-316.
- Yusof, H., Osman, M.N.A. & Mohd Noor, M.A.. (2016). School culture and its relationship with teacher leadership. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 272-286.